

LKIM beku 140 tan ikan segar

Hm 16/9/2022 m.s. 39

Kuala Terengganu: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu dalam proses mengumpul ikan segar untuk dijadikan ikan sejuk beku sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh yang dijangka bermula Oktober ini.

Proses mengumpul ikan yang dibeli daripada nelayan berkenaan dilakukan ejen pembekal iaitu Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu), Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut dan PNK Dungun.

Pengarahnya Rosli Mustapa berkata, sebagai persediaan sebanyak 140 tan ikan segar akan dibekukan dan pihaknya percaya jumlah itu mencukupi untuk keperluan sepanjang musim tengkujuh.

Menurutnya, stok bekalan ikan terbabit adalah tindakan proaktif dalam usaha

menangani isu kekurangan bekalan ikan pada musim tengkujuh dan kenaikan harga ikan di pasaran pada musim berkenaan.

"Proses membekukan ikan segar ini dibuat di kilang sejuk beku LKIM Besut dan semua ikan yang sudah disejuk beku akan disimpan di 13 bilik sejuk membabitkan enam di LKIM Chendering, Besut (tiga) dan Dungun (empat) dan setiap bilik boleh menyimpan sebanyak 10 tan ikan segar beku.

"Di LKIM Chendering, satu daripada bilik sejuk beku boleh menyimpan sebanyak 20 tan ikan, manakala lima lagi berkapasiti 10 tan dengan jumlah keseluruhan simpanan ikan segar beku atau Q'Fish sebanyak 140 tan.

"Kita percaya dengan jumlah itu, ia mencukupi untuk keperluan sepanjang

musim tengkujuh," katanya ketika ditemui Harian Metro di LKIM Chendering di sini.

Menurutnya, Q'Fish boleh didapati di enam pasar nelayan LKIM iaitu di Kampung Seberang Kastam dan Beting Lintang di Besut, tiga di Kuala Terengganu iaitu LKIM Chendering, Pulau Kambing, Pasar Maras dan satu di LKIM Dungun.

Katanya, selain itu, pengguna juga boleh mendapatkan Q'Fish di 32 outlet LKIM termasuk di kawasan Felda, pasar raya dan kedai runcit terpilih di seluruh negeri dengan harga pasaran tetap RM10 sekilogram.

"LKIM sentiasa menyimpan stok ikan segar beku pada setiap masa, namun ianya dalam kuantiti yang sedikit berikutkan permintaannya dikatakan kurang berbanding musim tengkujuh," katanya.